

Kefahaman dan Penghayatan Ibadat Solat dalam Kalangan Gelandangan: Kajian Di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL)

Nik Abdul Aziz Ismail^{1,a}, Muhamad Zulkifli Abdul Ghani^{2,b}, Nur Izzatul Husna Burhan^{3,c},
Mohd Hafizullah Ismail^{4,c}, Mohd Khairul Anuar Ismail^{5,d}

^{1,2,3}Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

⁴Universiti Malaya, Malaysia

⁵Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kelantan, Malaysia

^anikaziiz@gmail.com, ^bzulghani@ukm.edu.my, ^cheynahusna97@gmail.com,
^dhefiz08@gmail.com, ^eanuar785@kelantan.uitm.edu.my

Kata kunci: Kefahaman, Penghayatan, Solat, Gelandangan, Pusat Transit

Abstrak. Salah satu ibadah yang menjadi kewajipan bagi setiap Muslim yang mukallaf adalah ibadah solat. Antara kepentingannya adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah. Pada masa kini, amalan beribadah khususnya solat dalam kalangan gelandangan yang beragama Islam di lihat tidak memuaskan. Amalan wajib seperti solat tidak terjaga, perkara-perkara asas berkaitan rukun iman tidak boleh dinyatakan secara teori dan begitu juga dengan puasa fardhu. Hal ini bersesuaian dengan kajian-kajian lepas yang menjelaskan amalan religiositi yang merangkumi akidah, akhlak ibadah adalah berada pada tahap rendah. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kefahaman dan penghayatan golongan gelandangan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur berkaitan dengan ibadat solat. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik kepada 30 orang gelandangan yang menetap di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL). Data tersebut diproses dengan menggunakan pengisian Statistical Package for the Sciences (SPSS). Hasil kajian tersebut mendapati bahawa tahap kefahaman gelandangan berkaitan dengan solat berada pada tahap tinggi dengan purata min 4.19, manakala purata min bagi tahap penghayatannya pula adalah lebih rendah daripada mereka fahami iaitu 3.94 tetapi masih berada di tahap yang tinggi. Harapannya kajian ini dapat membantu para penyelidik sebagai jalan ke arah memperbaiki amalan mereka melalui penekanan kepada didikan agama.

Latar Belakang Kajian

Solat adalah perkara penting dan merupakan tanggungjawab bagi setiap orang Islam yang baligh dan berakal. Tanggungjawab ini mesti ditunaikan mengikut landasan syariat yang telah digariskan tanpa mengira situasi, masa dan tempat. Justeru itu, berlainan bangsa, keturunan, kaum dan warna kulit bukanlah alasan untuk meninggalkan ibadat ini kerana ianya merupakan rukun Islam yang kedua. Abdul Qadir ar-Rahbawi (2001) menegaskan mengenai keperluan galakan kepada wali agar menyuruh melaksanakan solat ketika mana anak tersebut berusia tujuh tahun. Beliau menghuraikan lagi bahawasanya meninggalkan solat adalah seperti meruntuhkan agama kerana solat dibaratkan sebagai tiang dalam agama.

Dalam menyelusuri arus kehidupan, manusia terdiri daripada pelbagai status sama ada kaya atau miskin serta pelbagai jawatan, keadaan dan golongan. Salah satu daripadanya adalah golongan gelandangan. Menurut Kamus Dewan Edisi ke-Empat (2010), gelandangan adalah orang-orang yang pekerjaannya atau tempat tinggalnya tidak tetap atau dengan kata lain tidak tentu tempat kediamannya atau tempat tinggalnya. Golongan ini sememangnya wujud sebagaimana yang dibicarakan di dada-dada akhbar harian terutamanya di Malaysia. Golongan seperti ini telah wujud sejak zaman Nabi Muhammad s.a.w dikenali sebagai “*Banu Mudhar*” iaitu golongan melarat. Dua pesanan penting disampaikan oleh Rasulullah semasa baginda S.A.W sedang berkhotbah iaitu memperbanyakkan sedekah dan bertakwa kepada Allah S.W.T. (Rafiza, 2015). Oleh yang demikian, takwa kepada Allah S.W.T merupakan pesanan yang ingin digariskan dan perlu dipupuk dalam semua masyarakat tanpa mengira bangsa dan golongan. Justeru itu, sifat takwa dalam diri gelandangan itu sendiri perlu dipupuk dan mengerjakan perintahNya merupakan salah satu daripadanya. Oleh itu, kajian ini adalah kajian berkaitan ibadat yang wajib dikerjakan iaitu mengkaji tahap kefahaman dan penghayatan solat gelandangan di Pusat Transit Gelandangan, Kuala Lumpur.

Pernyataan Masalah

Akbar Utusan Malaysia bertarikh 18 Mei 2014 yang disunting oleh Amir Hafiz Abd. Rahman bertajuk “Syurga kami dibawah Jambatan” membicarakan berkaitan tempat mereka menetap atau menumpang tidur. Begitu juga dengan akhbar-akhbar lain, seperti akhbar Harian Metro yang bertarikh 23 Oktober 2015, membicarakan berkenaan “Gelandangan banjiri

sekitar Masjid Negara” dan hal ini secara tidak langsung menggambarkan kewujudan golongan ini di Malaysia. Satu kajian kajian berkaitan dengan tahap religiositi gelandangan telah dilakukan oleh Rafiza Mohamed (2013) menjelaskan ianya berada pada tahap rendah dan tidak memuaskan. Dalam satu pernyataan oleh beliau, perkara-perkara asas seperti rukun iman itu gagal di jawab secara teori, surau seperti tidak digunakan dan ibadat puasa tidak dilaksanakan. Inilah masalah yang melanda golongan gelandangan. Keperluan kepada sistem sokongan beragama terhadap golongan gelandangan ini sangat diperlukan (Rafiza et.all 2017). Berdasarkan perkara tersebut, pengkaji melihat bahawa penekanan kepada hal-hal agama terhadap gelandangan sangat diperlukan dan pengkaji cuba merungkai dengan mengukur kefahaman dan penghayatan berkaitan dengan salah satu ibadah wajib iaitu solat.

Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan adalah bertujuan:

- i. Menganalisis tahap kefahaman solat golongan gelandangan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL).
- ii. Menganalisis tahap penghayatan solat golongan gelandangan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL).

Metod Kajian

Kajian ini adalah merupakan kajian tinjauan berbentuk kuantitatif dan proses pengumpulan datanya adalah melalui instrumen borang soal selidik. Instrumen tersebut diedarkan kepada 30 orang gelandangan yang menetap di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur(PTGKL) iaitu sebagai responden. Soalan borang soal selidik tersebut diadaptasi daripada kajian-kajian yang telah dijalankan sebelum ini dan ukuran jawapan adalah dengan lima skala pilihan jawapan iaitu ‘skala likert’. Segala data yang diperoleh telah dikumpulkan dan diproses melalui perisian *Statistical Package for the Sosial Sciences* (SPSS) dan dapatan kajian tersebut diterangkan dalam bentuk jadual peratusan, min serta nilai kekerapan.

Kajian Lepas

Khairul Hamimah et al. (2016) dalam kajiannya berkaitan dengan tahap pengetahuan dan penghayatan agama yang melibatkan pelbagai responden dan salah satu darinya adalah golongan gelandangan menjelaskan bahawa tahap pengetahuan dan penghayatan mereka sangat lemah. Beliau menjelaskan bahawasanya golongan ini mempunyai satu perasaan iaitu tidak berkeinginan untuk belajar semula cara menunaikan solat. permasalahan yang sama juga diulas oleh Rafiza Mohamed (2013) dalam tesis sarjananya “*Tret Personaliti dan Religiositi Gelandangan Muslim Pusat Rujukan Intervensi Anjung Singgah*”. Kajiannya mendapati tahap religiositi golongan gelandangan di Anjung Singgah agak rendah di mana ianya dilihat dilihat kepada amalan dalam beragama yang merangkumi akidah, ibadat dan akhlak. Beliau menjelaskan bahawa golongan ini kurang kebergantungan kepada Allah s.w.t dan tahap pengetahuan mereka terhad kepada amalan-amalan wajib sahaja seperti puasa dan solat. Hal ini jelas dilihat bahawa golongan kefahaman dan penghayatan khususnya ibadat solat dalam kalangan gelandangan amat mengkhuatirkan kerana ianya berada pada tahap yang rendah walhal ianya merupakan ibadah yang wajib diketahui dan dikerjakan kerana ianya merupakan perintah daripada Allah S.W.T. Oleh yang demikian, hal ini secara jelasnya dilihat bahawa perkara berkaitan dengan ibadat yang wajib khususnya dalam kalangan gelandangan amat membimbangkan. Justeru, kajian ini adalah untuk mengukuhkan dan mengetahui tahap kefahaman dan penghayatan ibadat solat dalam kalangan gelandangan khususnya di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur.

Hasil Kajian

Hasil kajian yang dijalankan dilihat kepada tiga aspek utama iaitu demografi, tahap kefahaman solat dan tahap penghayatan solat dalam kalangan gelandangan di Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL)

Jadual 1 : Maklumat Demografi Responden		
Taburan responden mengikut bangsa		
Bangsa	Bilangan	Peratusan
Melayu	25	83.3%
Cina	3	10.0%
India	2	6.7%
Lain-lain	0	0%
Jumlah	30	100.0%
Taburan Responden Mengikut Umur		
Umur	Bilangan	Peratusan
21-30 Tahun	14	46.7%
31-40 Tahun	12	40.0%
41-50 Tahun	4	13.3%
Jumlah	30	100.0%
Taburan Responden Mengikut Jantina		
Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	27	90%
Perempuan	3	10%
Jumlah	30	100%
Taburan Responden Mengikut Status		
Status	Bilangan	Peratusan
Bujang	8	26.7%
Berkahwin	21	70.0%
Janda/Duda	1	3.3%
Jumlah	30	100.0%
Taburan Responden Mengikut Pekerjaan		
Pekerjaan	Bilangan	Peratusan
Kerajaan	5	16.7%
Swasta	6	20.0%
Tiada Pekerjaan	17	56.7%
Lain-lain	2	6.7%
Jumlah	30	100.0%
Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan		
Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratusan
Sekolah Rendah	4	13.3%
Sekolah Menengah	14	46.7%
Diploma	12	40.0%
Jumlah	30	100.0%

Jadual 1 menjelaskan berkaitan dengan demografi responden yang terlibat iaitu berkenaan dengan bangsa, umur, jantina, status, tahap pendidikan dan pekerjaan. Majoriti daripada responden adalah berbangsa Melayu iaitu mewakili 83.3% manakala 10% adalah cina dan 6.7% merupakan India. Kadar umur responden secara majoritinya adalah berumur 21-30 iaitu bersamaan 46.7% manakala 40% daripadanya lagi berumur 31-40 tahun dan 13.3% lagi berumur antara 41-50 tahun. Majoriti responden yang terlibat adalah lelaki iaitu sebanyak 90% dan hanya 10% sahaja yang mewakili perempuan. Berkaitan dengan status responden, majoritinya yang mewakili sebanyak 70% adalah berkahwin, 26.7% daripadanya adalah bujang dan hanya 3.3% sahaja yang mewakili duda/janda. Pendidikan responden pula dilihat tahap sekolah menengah adalah sebagai majoritinya iaitu 46.7% dan 40% daripadanya adalah peringkat diploma dan selebihnya yang mewakili 13.3% di peringkat sekolah rendah. Majoriti daripada responden iaitu mewakili 56.7% tidak mempunyai pekerjaan dan 20% daripadanya kerja kerajaan manakala 16.7% pula kerja swasta dan 6.7% daripadanya adalah lain-lain.

Jadual 2: Tahap Kefahaman Solat dalam Kalangan Gelandangan

Item	Pemboleh Gelandangan	Ubah:	Kefahaman	1 (STS)	2 (TS)	3 (TP)	4 (S)	5 (SS)	Skor Min	Sisihan Piawai
1	Solat Fardu wajib ditunaikan bagi setiap Muslim.			0.0% (0)	0.0% (0)	0.0% (0)	23.3% (7)	76.7% (23)	4.77	0.43
2	Azan menandakan masuknya waktu solat			3.3% (1)	0.0% (0)	0.0% (0)	23.3% (7)	73.3% (22)	4.63	0.80
3	Solat tidak sah dilakukan sekiranya bukan pada waktunya.			3.3% (1)	6.7% (2)	6.7% (2)	23.3% (7)	60.0% (18)	4.30	1.09
4	Mendirikan solat dapat mencegah diri daripada melakukan maksiat.			0.0% (0)	0.0% (0)	0.0% (0)	23.3% (7)	76.7% (23)	4.77	0.43
5	Solat boleh didirikan di mana-mana tempat yang bersesuaian.			0.0% (0)	0.0% (0)	6.7% (2)	6.7% (2)	86.7% (26)	4.80	0.55
6	Solat tetap sah walaupun dilakukan tanpa wuduk yang sempurna.			20.0% (6)	46.7% (14)	30.0% (9)	0.0% (0)	3.3% (1)	2.20	0.89
7	Surah Al-Fatihah merupakan salah satu rukun dalam solat.			0.0% (0)	0.0% (0)	13.3% (4)	13.3% (4)	73.3% (22)	4.60	0.72
8	Menghadap kiblat adalah salah satu syarat sah solat.			0.0% (0)	0.0% (0)	0.0% (0)	20.0% (6)	80.0% (24)	4.80	0.41
9	Solat seseorang terbatal jika tidak disertai niat			13.3% (4)	6.7% (2)	16.7% (5)	20.0% (6)	43.3% (13)	3.73	1.44
10	Solat tidak sah sekiranya tidak mengikut tertib (susunannya)			0.0% (0)	0.0% (0)	16.7% (5)	26.7% (8)	56.7% (17)	4.40	0.77
11	Takbirratul Ihram merupakan salah satu rukun solat.			0.0% (0)	0.0% (0)	33.3% (10)	0.0% (0)	66.7% (20)	4.33	0.96
12	Solat dapat mendekatkan diri kepada Allah			0.0% (0)	0.0% (0)	10.0% (3)	10.0% (3)	80.0% (24)	4.70	0.65
13	Solat sah dilakukan tanpa menutup aurat			70.0% (21)	20.0% (6)	10.0% (3)	0.0% (0)	0.0% (0)	1.40	0.68
14	Solat Jumaat dilakukan waktu zohor pada hari Jumaat sebanyak 2 rakaat			0.0% (0)	0.0% (0)	0.0% (0)	30.0% (9)	70.0% (21)	4.70	0.47
15	Solat tidak boleh dilakukan sekiranya dalam keadaan berhadass.			0.0% (0)	0.0% (0)	3.3% (1)	20.0% (6)	76.7% (23)	4.73	0.52
Purata Keseluruhan									4.19	0.69

Jadual 2 di atas menggambarkan tahap kefahaman responden berkenaan dengan ibadat solat dan terdapat 15 item soalan untuk mengukur tahap kefahaman solat mereka. Secara keseluruhannya, hasil kajian berkaitan dengan tahap kefahaman solat ini adalah baik berdasarkan ukuran nilai min secara puratanya iaitu mewakili 4.19 dan sisihan piawai pula adalah 0.69 adalah agak tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman berkaitan dengan ibadat solat berada pada tahap yang memuaskan.

Item pertama dalam Jadual 2 adalah “Solat fardu wajib ditunaikan bagi setiap Muslim” menunjukkan bahawa keseluruhan daripada responden bersetuju dengan kenyataan tersebut iaitu 76.7% sangat setuju dan selebihnya bersetuju. Bagi item

kedua, seramai 23.3% bersetuju dan majoritinya 73.3% sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut dan hanya seorang sahaja yang tidak bersetuju. Item ketiga pula mendapati bahawa 60% responden sangat bersetuju manakala 23.3% daripadanya bersetuju sahaja. Walau bagaimanapun, 5 orang daripada responden tersebut tidak menyokong pernyataan tersebut dengan dua daripadanya adalah tidak pasti. Hal ini menjelaskan tahap kefahaman solat dalam kalangan gelandangan perlu di tambah baik lagi.

Bagi item soalan keempat, kelapan dan ke empat belas, majoriti daripada responden menyokong kenyataan-kenyataan tersebut dan boleh dikatakan 100% dengan setuju dan sangat setuju. Item kelima pula mendapati majoriti daripada responden menyokong iaitu bersamaan dengan 86.7% dan mewakili nilai min yang agak tinggi iaitu 4.80. Item “Solat tetap sah walaupun dilakukan tanpa wuduk yang sempurna” mendapati hampir separuh daripada responden tidak menyokong kenyataan tersebut iaitu 46.7% menyatakan tidak setuju dan 20% menyatakan sangat tidak setuju. Secara ringkasnya, 66.7% dapat memilih jawapan yang tepat dengan tidak menyokong kenyataan tersebut.

Item ke tujuh mendapati sebanyak 73.3% responden sangat bersetuju dan 13.3% bersetuju dengan kenyataan tersebut manakala masih ada beberapa responden yang ragu-ragu dengan memilih jawapan yang tidak pasti. Item soalan ke-9 pula memperoleh 43.3% sangat setuju dan 20% bersetuju manakala 16.7% tidak pasti dan selebihnya iaitu 20% tidak bersetuju. Majoriti responden 56.7% sangat setuju dan 26.7% bersetuju dengan item ke-10 dan hanya 16.7% sahaja yang tidak pasti. Begitu juga dengan item ke-11, majoriti responden mewakili 66.7% sangat bersetuju dan selebihnya adalah tidak pasti iaitu 33.3%. Bagi item ke-12, 80% responden sangat bersetuju dan 10% bersetuju manakala selebihnya tidak pasti iaitu mewakili 10%. Item ke-13, majoriti responden menjawab dengan tepat kerana tidak menyokong kenyataan tersebut iaitu 70% sangat tidak setuju dan 20% daripadanya tidak setuju manakala masih ada lagi tidak pasti iaitu 10%. Item ke-15, Majoriti responden menunjukkan kefahaman mereka dengan menyokong kenyataan ini iaitu 76.7% sangat setuju, 20% bersetuju dan hanya 1 orang sahaja yang tidak pasti.

Jadual 3 : Tahap Penghayatan Solat Dalam Kalangan Gelandangan

Item	Pemboleh Ubah: Penghayatan Gelandangan	1 (STS)	2 (TS)	3 (TP)	4 (S)	5 (SS)	Skor Min	Sisihan Piawai
1	Saya sentiasa melaksanakan solat.	10.0% (3)	10.0% (3)	10.0% (3)	23.3% (7)	46.7% (14)	3.87	1.38
2	Walaupun sibuk dengan hal lain, saya tetap menunaikan solat.	0.0% (0)	13.3% (4)	16.7% (5)	16.7% (5)	53.3% (16)	4.10	1.13
3	Saya lebih suka solat secara berjemaah.	0.0% (0)	3.3% (1)	13.3% (4)	16.7% (5)	66.7% (20)	4.47	0.86
4	Saya melakukan solat dengan sebaik mungkin.	0.0% (0)	0.0% (0)	16.7% (5)	33.3% (10)	50.0% (15)	4.33	0.76
5	Solat dapat memberi ketenangan kepada saya.	0.0% (0)	0.0% (0)	0.0% (0)	33.3% (10)	66.7% (20)	4.67	0.48
6	Saya solat di tempat kerja.	0.0% (0)	0.0% (0)	10.0% (3)	66.7% (20)	23.3% (7)	4.13	0.57
7	Saya melaksanakan solat pada awal waktu.	0.0% (0)	10.0% (3)	16.7% (5)	50.0% (15)	23.3% (7)	3.87	0.90
8	Saya melakukan solat sebanyak lima kali dalam sehari	3.3% (1)	16.7% (5)	10.0% (3)	23.3% (7)	46.7% (14)	3.93	1.26
9	Saya solat apabila diajak oleh rakan sahaja.	50.0% (15)	16.7% (5)	20.0% (6)	13.4% (4)	0.0% (0)	1.97	1.13
10	Saya tetap solat walaupun dalam keadaan sakit.	0.0% (0)	10.0% (3)	13.3% (4)	36.7% (11)	40.0% (12)	4.07	0.89
Purata Keseluruhan							3.94	0.94

Jadual 3 tersebut menggambarkan tahap penghayatan responden berkenaan dengan ibadat solat dan terdapat 10 item soalan untuk mengukur tahap penghayatan solat mereka. Secara keseluruhannya, hasil kajian berkaitan dengan tahap penghayatan solat ini adalah baik berdasarkan ukuran nilai min secara puratanya iaitu mewakili 3.94 dan sisihan piawai pula adalah 0.94 adalah agak tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa tahap penghayatan berkaitan dengan ibadat solat berada pada tahap yang memuaskan.

Item pertama dalam Jadual 3 adalah “Saya sentiasa melaksanakan solat” menunjukkan majoriti daripada responden menyokong kenyataan tersebut iaitu 46.7% sangat setuju, 23.3% setuju dan 10% daripadanya tidak pasti dan selebihnya tidak bersetuju. Hal ini menjelaskan 20% daripada responden tidak menjalankan tanggungjawabnya dalam ibadat solat. Item ke-2 mendapati bahawa 53.3% menyokong kenyataan tersebut dengan sangat setuju dan 16.7% bersetuju manakala hanya 13.3% daripadanya tidak menyokong dan selebihnya tidak pasti iaitu 16.7%. Ini menggambarkan kesibukan bukanlah penghalang kepada responden untuk melaksanakan solat. Item ke-3 pula memperoleh majoriti daripada responden sangat bersetuju iaitu mewakili 66.7% dan 16.7% bersetuju manakala 13.3% sahaja yang tidak pasti namun masih terdapat seorang daripada responden tidak bersetuju.

Item ke-4 pula berkaitan dengan melakukan solat sebaik mungkin mendapati 50% daripada responden sangat bersetuju dan 33.3% bersetuju dengan pernyataan tersebut. Hal ini menjelaskan 83.3% daripada responden menyokong item tersebut dan selebihnya 16.7% tidak pasti. Item ke-5 pula mendapati 100% responden menyokong perkara tersebut dengan 66.7% sangat bersetuju dan 33.3% bersetuju. Bagi item ke-6, majoriti daripada responden bersetuju iaitu mewakili 66.7% dan responden yang sangat bersetuju pula 23.3% manakala selebihnya 10% tidak pasti. Majoriti responden menyokong item ke-7 iaitu 23.3% sangat bersetuju dan 50% bersetuju manakala 10% lagi tidak menyokong dan 16.7% lagi tidak pasti. Hal ini menjelaskan majoriti daripada responden melaksanakan solat pada awal waktu. Item ke-8 juga memperoleh majoriti daripada responden menyokong dengan 46.7% sangat bersetuju dan 23.3% bersetuju manakala 20% daripadanya tidak bersetuju dan 10% daripadanya tidak pasti.

Item ke-9 adalah “Saya solat apabila diajak oleh rakan sahaja.” memperoleh 50% daripadanya sangat tidak bersetuju, 16.7% tidak bersetuju dan hanya 13.4% sahaja yang setuju. Responden memilih jawapan yang tepat dengan tidak menyokong item tersebut dan ianya secara tidak langsung menggambarkan penghayatan responden. Item ke-10 pula memperoleh majoriti daripada responden menyokong dengan 40% sangat bersetuju, 36.7% bersetuju dan hanya 10% sahaja yang tidak bersetuju manakala selebihnya iaitu 13.3% tidak pasti. Melalui dapatan tersebut telah menunjukkan bahawa responden memahami dan menghayati berkenaan dengan item tersebut. Responden mengetahui bahawa sakit yang dihadapinya bukan menjadi alasan mereka untuk meninggalkan solat.

Penutup

Amalan solat merupakan amalan yang mulia di sisi Allah S.W.T dan menjaga kesempurnaannya merupakan tanggungjawab setiap Muslim yang mukallaf. Perbezaan bangsa, golongan, pangkat dan seumpamanya bukanlah alasan untuk mengabaikannya kerana solat merupakan tiang agama. Sehubungan dengan itu, hasil dapatan kajian yang dijalankan telah mendapati bahawa tahap kefahaman gelandangan berkenaan dengan ibadat solat adalah berada pada tahap yang tinggi. Ianya berbeza dengan kajian-kajian yang sebelum ini yang menyatakan tahap kefahaman mereka adalah rendah. Namun begitu, perbezaan tersebut mungkin dipengaruhi oleh faktor tempat dan masa yang berlainan. Walau bagaimanapun, penulis mencadangkan satu kaedah dan pendekatan terutamanya pendekatan dakwah perlu diterapkan kepada golongan ini bagi menambah baik lagi tahap kefahaman dan penguasaan khususnya dalam ibadat wajib

Rujukan

Abdul Qadir ar-Rahbawi. 2001. *Solat Empat Mazhab*. Victory Agencie : Kuala Lumpur.

Kamus Dewan Edisi Keempat. 2010. Dewan bahasa dan pustaka Kuala Lumpur.

Khairul Hamimah Mohd Jodi & Faridah Che Husain. 2016. Tahap Pengetahuan dan Penghayatan Agama dalam Golongan Pekerja Seks (Sex Worker) di Kuala Lumpur.

Rafiza binti Mohamed. 2013. Tret Personaliti dan Religiositi Gelandangan Muslim Pusat Rujukan Intervensi Anjung Singgah. *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rafiza Mohamed. 2015. *Gelandangan antara Tret Personaliti dan Religiositi*. Istitut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad: Kuala Lumpur.

Rafiza Mohamed, Jaffary Awang, Ahmad Suwari Long & Zaizul Ab Rahman. 2017. Keperluan Gelandangan terhadap Sistem Sokongan Beragama. Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah 4(1) : 82-92